



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA



PELAN **ANTIRASUAH** ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

JABATAN STANDARD MALAYSIA

2022 - 2026

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

JABATAN STANDARD MALAYSIA

2022 - 2026

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA MITI

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tahniah Jabatan Standard Malaysia atas usaha yang dilaksanakan dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia (JSM) atau OACP JSM 2022 – 2026 sebagai menepati aspirasi Kerajaan ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang berintegriti dan cemerlang.

Melihat kepada perkembangan beberapa tahun kebelakangan ini yang mana *Corruption Perception Index* (CPI) dan skor CPI Malaysia mengalami kemerosotan, adalah wajar usaha-usaha yang lebih efektif di ambil ke arah membanteras gejala rasuah di semua peringkat perkhidmatan awam.

Skor CPI dinilai berasaskan tahap tanggapan pakar-pakar dan ahli perniagaan terhadap sektor awam. MITI dan semua agensi-agensi di bawahnya yang sering berurusan di peringkat global sewajarnya perlu peka dengan kedudukan atau ranking Malaysia di mata dunia.

Saya yakin OACP JSM 2022 – 2026 yang dibangunkan ini adalah selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2 dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi meletakkan Malaysia ke satu tahap yang tinggi di persada ekonomi dunia. Pada masa yang sama, diharap pelaksanaan OACP ini dapat memberi impak positif kepada kecekapan penyampaian perkhidmatan awam di JSM.



Datuk Lokman Hakim Ali

PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia 2022–2026 merupakan dokumen dasar antirasuah di Jabatan ke arah merealisasikan komitmen JSM untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam pelaksanaan aktiviti standardisasi dan akreditasi kebangsaan.

Komitmen yang diberikan oleh JSM dalam membangunkan OACP JSM 2022 – 2026 ini amatlah membanggakan. Saya pasti kerangka dasar dan strategi yang mengutamakan 10 inisiatif daripada 45 inisiatif yang digariskan ini, akan membolehkan JSM memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatannya.

Pentadbiran sektor awam termasuk perkhidmatan standardisasi dan akreditasi serta perolehan awam akan menjadi fokus bagi setiap inisiatif yang dirancang perlaksanaannya dalam tempoh lima tahun. Usaha ini selaras dengan peranan kita sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab ke atas hal-hal standard dan akreditasi bagi lain-lain badan dan organisasi, baik di sektor awam mahu pun di sektor swasta.

Saya menyeru warga JSM supaya berkerjasama rapat dalam menggembleng usaha untuk memastikan setiap inisiatif dan pelan tindakan yang telah dirancang dapat dilaksanakan sebaiknya. Saya pasti kita mampu membanteras gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran; serta muncul sebagai sebuah Jabatan yang berintegriti, berhemah tinggi dan cemerlang.



Shaharul Sadri Alwi

PERUTUSAN **KETUA UNIT INTEGRITI** JABATAN STANDARD MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpahan kurniaannya, Jabatan Standard Malaysia telah berjaya menyahut cabaran untuk membangunkan OACP JSM 2022 – 2026.

Suatu inisiatif di bawah Strategi 2 NACP, OACP JSM 2022 – 2026 menggariskan keperluan pembangunan pelan antirasuah organisasi bagi sektor awam. Dokumen ini merangkumi komitmen dan pelan jangka panjang Jabatan dalam mencegah jenayah rasuah di samping meningkatkan tadbir urus, integriti serta kecekapan perkhidmatan.

Seluruh warga JSM perlu sentiasa komited melaksanakan OACP JSM 2022 – 2026 yang dikeluarkan ini dengan merancang, melaksana, memantau, menilai semula segala tindakan/inisiatif dengan teliti dan sebaiknya. Selain itu, adalah perlu penambahbaikan dilaksanakan dari masa ke semasa dengan segera terhadap kelemahan yang dikenalpasti.

OACP JSM 2022 – 2026 akan menjadi satu tindakan utama dalam usaha berterusan Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang kompeten, dihormati, bebas rasuah dan berintegriti tinggi.



Wan Rukiman Wan Mamat

PERNYATAAN KOMITMEN


1. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia 2022 – 2026 atau OACP JSM 2022 – 2026 merupakan satu pelan jangka panjang Jabatan dalam usaha membanteras gejala rasuah dalam urusan pentadbiran dan operasi.
2. OACP ini dibangunkan selaras dengan inisiatif mandatori di bawah Strategi 2, memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023.
3. Kerangka dasar dan strategi-strategi OACP JSM 2022 - 2026 ini terhasil dari sesi bengkel anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa OACP JSM dengan penglibatan wakil-wakil setiap bahagian yang sangat komited bagi memastikan dokumen OACP ini dapat direalisasikan.
4. OACP JSM 2022 - 2026 merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Selain menjadikan NACP dan OACP MITI 2020 - 2024 sebagai rujukan utama, beberapa inisiatif antirasuah sedia ada yang telah diperakui keberkesanannya turut diambil kira.
5. Bagi memastikan kejayaan OACP JSM 2022 - 2026, warga Jabatan amat komited dan bertekad untuk memastikan segala inisiatif yang telah dirancang dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dengan telus, penuh tanggungjawab dan berintegriti.
6. Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026 ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan standardisasi dan akreditasi, selaras dengan visi JSM iaitu “Diterima Rakyat dan Diiktiraf Dunia”.
7. Pelan tindakan yang terkandung di dalam OACP JSM 2022 - 2026 ini adalah panduan bagi semua warga Jabatan khususnya dan sekaligus menyumbang ke arah menjadikan Malaysia bebas rasuah.

RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP JSM 2022 – 2026 dibangunkan selaras dengan komitmen Kerajaan yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023, Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 dan Siri 2 No.1. Tahun 2019 berkaitan Pementapan Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Sehubungan itu, OACP JSM 2022 – 2026 dibangunkan sebagai panduan untuk warga Jabatan dalam usaha memerangi gejala rasuah.

Corruption Index in Malaysia decreased to 51 Points in 2020 from 53 Points in 2019. source: Transpaency International



Related	Last	Previous	Unit	Reference
Corruption Rank	57.00	51.00		Dec 2020
Corruption Index	51.00	53.00	Points	Dec 2020

[+](#)

OBJEKTIF:

- (i) Menggariskan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah khususnya di dalam Jabatan dengan lebih jelas dan berkesan;
- (ii) Membudayakan amalan kerja yang berteraskan kecemerlangan melalui sistem pentadbiran JSM yang cekap, berintegriti, bermoral, beretika serta mempunyai minda kelas pertama;
- (iii) Meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga JSM dalam membanteras rasuah; dan
- (iv) Meningkatkan imej JSM dan kepercayaan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan rakyat ke atas perkhidmatan standardisasi dan akreditasi yang disediakan oleh Jabatan.

VISI:

OACP JSM 2022 - 2026 adalah untuk menanam semangat jati diri di kalangan warga Jabatan Standard Malaysia yang bebas dari rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ini boleh dicapai dengan meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti dalam proses penyampaian perkhidmatan standardisasi dan akreditasi Jabatan.

OACP JSM 2022 - 2026 ini dibahagikan kepada empat (4) bab utama, iaitu:

BAB 1

Merangkumi latar belakang JSM dan usaha-usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah di Jabatan. Dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh barisan Pengurusan Tertinggi di JSM, OACP JSM 2022 - 2026 ini telah digubal untuk memberikan fokus dan halatuju yang lebih jelas kepada Jabatan untuk memerangi gejala rasuah.

BAB 2

Menerangkan senario rasuah di JSM. JSM merupakan agensi Kerajaan yang berisiko rendah. Berdasarkan analisis persekitaran dan penilaian risiko, empat (4) bidang berikut telah dikenalpasti iaitu Standardisasi, Akreditasi, Perolehan Awam dan Pentadbiran.

BAB 3

Menghuraikan dua bidang keutamaan iaitu:

- (i) Perkhidmatan Standardisasi dan Akreditasi Kebangsaan dan Antarabangsa; dan
- (ii) Perolehan Awam.

Daripada dua bidang keutamaan tersebut, dua strategi telah dikenalpasti iaitu:

- (i) Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan standardisasi dan akreditasi; dan
- (ii) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam.

Strategi ini disokong oleh 10 objektif strategi yang merangkumi 45 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

BAB 4

Menerangkan mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP JSM 2022 -2026. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Bahagian agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026 ini.

Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan proses inisiatif-inisiatif OACP JSM 2022 - 2026 agar setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai hasil yang telah ditetapkan. Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan visi dan misi JSM.

Bil	Nama Singkatan Bahagian/ Seksyen/ Unit	Nama Penuh Bahagian/ Unit
1.	BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan
2.	BPS	Bahagian Perancangan Strategik
3.	BS	Bahagian Standardisasi
4.	BA	Bahagian Akreditasi
5.	UI	Unit Integriti
6.	UKS	Unit Komunikasi Strategik
7.	SKP	Seksyen Kewangan & Perolehan
8.	JSM	Jabatan Standard Malaysia
9.	SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
10.	PPP	Pegawai Penilai Pertama

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENGENALAN	1
Latar Belakang Jabatan Standard Malaysia	2
Fungsi dan Peranan Jabatan Standard Malaysia	2
Visi dan Misi Jabatan Standard Malaysia	4
Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional	6
Dasar Antirasuah Jabatan Standard Malaysia	7
Keperluan Pembangunan OACP JSM 2022 - 2026	8
BAB 2: ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH	9
Senario Rasuah di Jabatan Standard Malaysia	12
Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko	13
Bidang-Bidang Keutamaan yang Berisiko	14
Huraian Data	15
BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH	19
Keperluan kepada Kerangka OACP JSM 2022 - 2026	20
Kerangka OACP JSM 2022 - 2026	21
Bidang Keutamaan OACP JSM 2022 - 2026	22
Penetapan Visi dan Misi OACP JSM 2022 - 2026	23
Punca Rasuah dan Salah Laku di Jabatan Standard Malaysia	24
Pelan Tindakan Berdasarkan Kuadran	27
Keutamaan Strategi: Penekanan 10 Inisiatif Utama	28
Bidang Keutamaan OACP JSM 2022 - 2026	29
BAB 4: TADBIR URUS OACP JSM 2022 - 2026	35
Mekanisma Pelaksanaan	36
Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan	37
Pembentangan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026	38
Kerangka Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026	38
Struktur Tadbir Urus Jabatan Standard Malaysia	39
Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian	41
Mekanisme Penilaian	42
KESIMPULAN	43
Penghargaan	45
Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia	46

BAB 1

PENGENALAN

- Latar Belakang Jabatan Standard Malaysia
- Fungsi dan Peranan Jabatan Standard Malaysia
- Visi dan Misi Jabatan Standard Malaysia
- Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional
- Dasar Antirasuah Jabatan Standard Malaysia
- Keperluan Pembangunan OACP JSM 2022 - 2026



BAB 1

PENGENALAN

Latar Belakang

Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996 mengikut Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549).



Fungsi dan Peranan Jabatan Standard Malaysia

JSM sebagai badan standard kebangsaan, bertanggungjawab membangunkan dan menggalakkan penggunaan Malaysian Standards (MS). JSM juga adalah badan akreditasi kebangsaan yang menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada makmal, badan persijilan dan badan pemeriksaan. Ini seterusnya akan membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.



Kewajiban JSM juga merangkumi kerjasama antarabangsa berhubung dengan standardisasi dan akreditasi. Kerjasama antarabangsa ini diperkukuhkan melalui keahlian kepada pelbagai pertubuhan di peringkat serantau dan antarabangsa. Dengan keahlian ini, JSM perlu mematuhi kriteria dan kehendak badan-badan tersebut.

Keahlian JSM di Peringkat Antarabangsa



*International
Organisation for
Standardization*



*International
Electrotechnical
Commission*



*International
Laboratory
Accreditation
Cooperation*



*International
Accreditation Forum*



*Asia Pacific Economic
Cooperation*



*Organisation for
Economic Co-operation
and Development*



World Trade Organization

Visi dan Misi Jabatan Standard Malaysia

Visi Jabatan ini merangkumi kedua-dua fungsi dan peranannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Misi Jabatan pula menggariskan arah dan hala tuju untuk merealisasikan visi serta mencapai matlamatnya.

Berasaskan visi dan misi Jabatan, JSM percaya bahawa kualiti, keselamatan, kebolehpercayaan, kecekapan, keserasian, keberkesanan kos, kemampuan yang memberikan nilai tambah terhadap produk dan perkhidmatan melalui aktiviti standardisasi dan akreditasi.

Misi

**Menyediakan perkhidmatan
standardisasi dan akreditasi yang
kredibel untuk memudahkan
perdagangan antarabangsa,
membangunkan daya saing industri
demi meningkatkan pertumbuhan
ekonomi, kesejahteraan masyarakat
dan alam sekitar**

Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional

JSM mendokong dasar-dasar integriti, tadbir urus dan antirasuah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berhemah tinggi dan berintegriti. Pelaksanaan dasar-dasar ini sentiasa ditambahbaik dan dipinda supaya memenuhi keperluan dan perubahan semasa.


Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang pertama dipengerusikan oleh mantan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Jun 2018. Mesyuarat telah memutuskan supaya satu Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dirangka bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional.

Pelan ini bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus di setiap Kementerian bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Situasi ini secara tidak langsung akan mendorong setiap warga Jabatan Standard Malaysia untuk terlibat sama menjayakan dan melaksanakan OACP JSM 2022 - 2026.

Bagi mencapai hasrat murni tersebut, segala bentuk usaha pencegahan rasuah sedia ada sama ada melalui Pelan Integriti Nasional, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0), Pelan Integriti Organisasi (PIO), Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan sebagainya diambil kira, ditambahbaik, dikaji dan dipinda semula berdasarkan kerangka NACP yang lebih komprehensif dan praktikal. Pelan ini perlu dilaksanakan melalui tadbir urus yang baik dengan pelaksanaan dan pelaporan yang lebih jelas.

Dasar Antirasuah Jabatan Standard Malaysia



Semua warga Jabatan dan semua pihak yang berurusan dengan Jabatan seperti penilai, pakar, syarikat pembekal, badan-badan penilaian pematuhan perlu memahami dan mematuhi dasar ini serta tidak mengamalkan amalan meminta, menerima atau menawarkan rasuah sepanjang berurusan dengan pegawai dan kakitangan JSM. Sebarang pelanggaran kepada dasar tersebut membolehkan mereka dikenakan tindakan tatatertib atau undang-undang.

Keperluan Pembangunan OACP JSM 2022 - 2026

OACP JSM 2022 – 2026 dibangunkan sebagai satu pelan strategik untuk menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah di peringkat Jabatan. Pelan ini dirumus selaras dengan Inisiatif 2.1.5 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan iaitu mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi.

Isu-isu kelemahan tadbir urus dan integriti boleh menyebabkan penyampaian perkhidmatan JSM menjadi kurang cekap, tidak efektif dan menjejaskan imej JSM di kalangan industri, pihak berkepentingan dan rakyat. Begitu juga sekiranya berlaku ketirisan dalam perolehan Kerajaan, akan menyebabkan kualiti produk atau bekalan perkhidmatan yang diperolehi tidak berkualiti atau setimpal dengan bayaran yang dibelanjakan oleh Jabatan.

Amalan rasuah bukan sahaja boleh mencemarkan imej Kerajaan tetapi juga seluruh Jabatan dan Kementerian, malahan boleh memberi kesan negatif kepada negara. Ini seterusnya membawa kerugian kepada rakyat di samping menggugat kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan Kerajaan.

Sehubungan dengan itu, pembangunan OACP JSM 2022 – 2026 ini penting bagi memastikan amalan rasuah dapat dicegah dan ditangani di peringkat awal serta memperkasakan warga Jabatan dengan ciri-ciri integriti dan amanah.

BAB 2

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

- Senario Rasuah di Jabatan Standard Malaysia
- Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko
- Bidang-Bidang Keutamaan yang Berisiko
- Huraian Data



BAB 2

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Dalam dua dekad kebelakangan ini, gejala rasuah telah banyak mempengaruhi perkembangan ekonomi dunia. Kegiatan rasuah oleh syarikat gergasi yang melibatkan rasuah yang berjumlah berjuta ringgit, turut menjejaskan Malaysia. Rata-rata kegiatan rasuah ini melibatkan salahguna kuasa dan suapan kepada penjawat awam.

Kedudukan Malaysia di mata dunia terjejas dengan kemerosotan skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2021 yang jatuh ke 48 berbanding 51 pada 2020. Kedudukan negara juga jatuh dari 57 ke tangga 62. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kejatuhan kedudukan CPI Malaysia bagi beberapa tahun kebelakangan ini mungkin dipengaruhi beberapa faktor terutamanya perubahan dalam pucuk pimpinan negara.

Penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berterusan di kalangan pemimpin serta agensi penguatkuasaan juga menyumbang kepada kejatuhan CPI Malaysia.

Berdasarkan data dikeluarkan Ketua Perangkawan Malaysia, bilangan tangkapan kes rasuah di Malaysia oleh SPRM pada tahun 2019 meningkat 23 peratus berbanding 2018.

Statistik menunjukkan peningkatan 79 peratus bagi kesalahan memberi rasuah, diikuti tuntutan palsu sebanyak 35.8 peratus. Bagaimanapun, tangkapan bagi salah guna kedudukan dan kesalahan lain di bawah indeks jenayah rasuah menunjukkan penurunan masing-masing pada kadar 24.7 peratus dan 9.8 peratus.



Kes rasuah yang melibatkan ketirisan perolehan Kerajaan serta membabitkan penjawat awam semakin kritikal. Kajian menunjukkan amalan rasuah berpunca dari pelbagai faktor. Ini termasuklah kegagalan individu mengawal dorongan nafsu, sifat tamak, defisit integriti dan mahu memburu kekayaan dengan cepat lagi mudah. Gaya hidup mewah dan kesempitan hidup juga boleh mendorong berlakunya rasuah.

Ini bukan kali pertama agensi perkhidmatan awam berhadapan dengan keadaan pegawai mereka terbabit dengan isu integriti. Keadaan ini secara langsung menimbulkan persoalan mengenai keutuhan sistem dan mekanisme diambil bagi memerangi rasuah serta salah guna kuasa dan apa juga kes yang membabitkan budaya berintegriti dalam agensi Kerajaan. Sikap sambil lewa dan ketidaktegasan kepemimpinan terus menguji kepaduan pelaksanaan sistem, prosedur serta peraturan bagi memerangi rasuah dan menguji integriti di tempat kerja.


Senario di atas sedikit sebanyak memberi kesan kepada JSM yang memberi perkhidmatan kepada rakyat. Amalan rasuah bukan sahaja boleh mencemarkan imej JSM tetapi memberi kesan kepada negara disamping menjejaskan kualiti kerja. Amalan rasuah ini perlu ditangani dengan lebih cekap bagi memperkasakan identiti dan persepsi rakyat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan.

Antara isu-isu yang berkemungkinan dihadapi dalam memerangi rasuah adalah:-

1. Hukuman tidak tegas dan tidak konsisten
2. Kelemahan kawalan dalaman
3. Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika di kalangan warga kerja
4. Perspektif negatif rakyat terhadap perkhidmatan Kerajaan
5. Salah guna kuasa dan kedudukan
6. Kesukaran mengesan perlakuan rasuah dan salah laku rasuah
7. Penggunaan teknologi yang terhad dalam memerangi rasuah
8. Kurang kesedaran untuk melaporkan rasuah
9. Tiada platform yang bersesuaian untuk melaporkan aktiviti rasuah

Senario Rasuah di Jabatan Standard Malaysia

Berdasarkan surat Pemakluman Status Penarafan Semula Risiko Agensi tahun 2020 bertarikh 9 Februari 2021 daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) JSM merupakan agensi Kerajaan yang berisiko rendah. Walau bagaimanapun, bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memutuskan rantaian rasuah, JSM menggunakan NACP 2019 – 2023 sebagai asas komitmen JSM untuk mencapai matlamat agar bebas daripada amalan rasuah.



Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko

Satu Bengkel Pengurusan Risiko (*Corruption Risk Management - CRM*) telah dianjurkan pada 2019, ekoran perbincangan awal antara UI, JSM dengan SPRM pada 1 Oktober 2019. Bengkel tersebut telah diadakan dari 26 - 28 November 2019 di Pulse Grande Hotel, Putrajaya.


Lanjutan daripada bengkel tersebut, dengan kerjasama SPRM, sebuah Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (PPRR) JSM telah dihasilkan. Ini diikuti dengan Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi 2021 yang diadakan secara atas talian pada 19 - 22 April 2021 anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Dalam bengkel tersebut, PPRR JSM sedia ada telah ditambah baik dengan mengambil kira keberkesanan kawalan dalaman tambahan.

Setiap bahagian di JSM telah menunjukkan komitmen untuk menganalisa persekitaran kegiatan masing-masing. Ini membawa kepada penilaian risiko-risiko rasuah dan impaknya ke atas pengurusan dan penyampaian perkhidmatan JSM.

Data risiko rasuah diperolehi daripada bengkel tersebut adalah hasil dapatan audit, laporan tatatertib, audit dalaman dan Laporan Ketua Audit Negara turut diambil kira.



Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah pada 26 - 28 November 2019.



Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi secara atas talian.

Bidang-Bidang Keutamaan yang Berisiko

Hasil dapatan daripada data-data tersebut, bidang-bidang berikut telah dikenalpasti.


Bidang	Standardisasi	Akreditasi	Perolehan Awam	Pentadbiran
Aktiviti Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Penjualan dokumen standard • Penganjuran bengkel/ seminar/ konsultasi/ forum di premis luar 	<ul style="list-style-type: none"> • Akreditasi badan penilaian Pematuhan • Penganjuran program/aktiviti akreditasi di premis luar 	<ul style="list-style-type: none"> • Memproses perolehan bagi perkhidmatan/ perunding/ pembekalan/ kerja 	<ul style="list-style-type: none"> • Memproses tuntutan perjalanan dan honorarium bagi pegawai, penilai, pakar • Pelantikan dan pengurusan sumber manusia
Isu / Pemasalahan/ Kelemahan	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai tidak mengeluarkan / merekodkan dalam resit setelah penerimaan bayaran penjualan dokumen standard walaupun bayaran telah dihantar kepada Unit Kewangan • Terdapat ruang untuk kepentingan peribadi (Lebih digunakan untuk perolehan lain-lain seperti baucer penginapan, baucer makan dan sebagainya) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Akreditasi menerima/ meminta rasuah sebagai balasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penilai/Pakar mengemukakan tuntutan perjalanan dan penilaian palsu • Pakatan antara pegawai dengan pihak hotel bagi mendapatkan sesuatu untuk kepentingan peribadi • Pakatan rasuah dalam pelantikan syarikat pembekal / syarikat yang sama/ tidak kompeten • Kebocoran maklumat senarai projek/ tender/ sebut harga pelantikan perunding • Mengemukakan tuntutan palsu perolehan perkhidmatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan perjalanan ke luar negara yang tidak lengkap dan teratur yang diluluskan pembayarannya • Ketidakhadiran bertugas di pejabat

Huraian Data


(a) Perkhidmatan Standardisasi

Penjualan dokumen MS adalah dalam bentuk cetakan dan salinan digital secara atas talian melalui sistem MySQL. Cetakan MS dapat dibeli dari kaunter jualan MS di JSM atau jualan MS semasa pameran.

Dokumen MS dibangunkan secara telus dan konsensus dengan penglibatan pakar-pakar dari wakil pihak berkepentingan dan pemegang taruh. JSM terlibat dalam penganjuran bengkel, seminar, konsultasi dan forum di premis luar bagi tujuan mendapatkan input pembangunan standard dan mempromosikan penggunaan dokumen MS.



* Bilangan MS yang dijual pada tahun 2021:



Rajah : Bilangan MS yang dijual dari tahun 2014 hingga 2021

(b) Perkhidmatan Akreditasi

Badan penilaian pematuhan yang diakredit oleh JSM terdiri daripada makmal pengujian dan kalibrasi, makmal pengujian perubatan, badan pensijilan, badan pemeriksaan dan *Proficiency Testing Provider* (PTP).

Sebagai badan akreditasi kebangsaan, JSM mematuhi keperluan standard antarabangsa, *ISO/IEC 17011 Conformity Assessment - General Requirements for Accreditation Bodies Accrediting Conformity Assessment Bodies*. Penilaian akreditasi dijalankan ke atas badan penilaian pematuhan bagi memastikan dan memantau pematuhan terhadap dasar, prosedur dan keperluan standard antarabangsa berkaitan.



Bagi memastikan penilai yang terlibat dengan aktiviti penilaian dilatih dan dikemaskini dengan standard-standard dan prosedur terkini akreditasi, sesi bengkel, latihan dan forum tahunan bersama penilai dilaksanakan mengikut keperluan. Selain itu, penganjuran aktiviti forum, latihan dan seminar bersama badan penilaian pematuhan dari semasa ke semasa juga merupakan keperluan yang perlu dilaksanakan oleh badan akreditasi. Penganjuran aktiviti-aktiviti ini kebiasaannya dijalankan di premis luar Jabatan.

Di samping menjadi ahli badan-badan antarabangsa, JSM juga penandatangani kepada beberapa perjanjian serantau dan antarabangsa seperti berikut:

- (i) *APAC Mutual Recognition Arrangement (APAC MRA)*
- (ii) *ILAC Mutual Recognition Arrangement (ILAC MRA)*
- (iii) *IAF Multilateral Recognition Arrangement (IAF MLA)*
- (iv) *OECD Mutual Acceptance of Data*

Contoh Perkhidmatan Akreditasi yang Ditawarkan: (Accredited Certification Bodies - ACB)

Graf : Bilangan Badan Pensijilan yang Telah Diakredit Sehingga Februari 2022



* Sebuah badan pensijilan boleh diakreditasi untuk lebih dari satu program

Jadual : Jumlah Bilangan Penilai yang Dilantik Merangkumi Pelbagai Skim

Bil.	Kategori Penilai	SAMM			MIBAS	MyPTP	ACB
		Pengujian	Kalibrasi	Pengujian Medikal			
1.	Ketua Penilai	29	13	11	8	3	13
2.	Penilai Teknikal Kanan/ Penilai	37	7	17	1	0	13
3.	Penilai Teknikal/ Pakar	84	24	100	21	9	82
4.	Penilai Teknikal Pelatih/ Penilai Pelatih	37	4	30	2	0	5
Jumlah		187	48	158	32	12	113

Nota : Ketua penilai dan penilai boleh merangkumi lebih dari satu skim, program atau bidang

(c) Perolehan Awam

JSM merujuk pekeling dan peraturan yang berkuatkuasa bagi perolehan perkhidmatan atau bekalan barangan.

(d) Pentadbiran Sektor Awam

Aktiviti pentadbiran yang terlibat seperti memproses tuntutan perjalanan dan pembayaran honorarium bagi pegawai, penilai dan pakar yang menjalankan aktiviti standardisasi dan akreditasi.

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- Keperluan kepada Kerangka OACP JSM 2022 - 2026
 - Kerangka OACP JSM 2022 -2026
 - Bidang Keutamaan OACP JSM 2022 - 2026
 - Penetapan Visi dan Misi OACP JSM 2022 - 2026
 - Punca Rasuah dan Salah Laku di Jabatan Standard Malaysia
 - Pelan Tindakan Berdasarkan Kuadran
 - Keutamaan Strategi: Penekanan 10 Inisiatif Utama
 - Bidang Keutamaan OACP JSM 2022 - 2026
- 

BAB 3

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Keperluan kepada Kerangka OACP JSM 2022 - 2026

OACP JSM 2022 - 2026 ini menetapkan dua bidang keutamaan sebagai teras utama dalam usaha memerangi rasuah berdasarkan Pelan Antirasuah Nasional. Bidang keutamaan yang dikenalpasti di JSM adalah seperti berikut:-


- (i) Pentadbiran Sektor Awam (Perkhidmatan Standardisasi dan Akreditasi); dan
- (ii) Perolehan Awam.

Strategi yang dirumus berasaskan dua bidang keutamaan ini adalah:-

- (i) memupuk tadbir urus yang baik;
- (ii) memantapkan kecekapan dalam meningkatkan akauntabiliti dan profesionalisme dalam pengurusan pentadbiran dan perolehan awam; dan
- (iii) memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam khususnya perkhidmatan standardisasi dan akreditasi.

Strategi-strategi ini menjurus pada 10 inisiatif daripada 45 inisiatif yang telah digariskan. Perlaksanaan inisiatif ini bermula pada tahun 2022.

Bidang Keutamaan OACP JSM 2022 - 2026



Kerangka OACP JSM 2022 - 2026



Bidang Keutamaan	Perolehan Awam	Pentadbiran Sektor Awam
Strategi	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam	Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam khususnya perkhidmatan standardisasi dan akreditasi

Penetapan Visi dan Misi OACP JSM 2022 - 2026

Visi dan misi menjadi fokus bagi Kerangka OACP ini untuk menyumbang kepada keberkesanan usaha membanteras rasuah dan meningkatkan integriti di JSM.

Visi

Kekal Berintegriti dan Bebas Rasuah

Memastikan pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek perkhidmatan dengan mematuhi undang-undang, peraturan, prosedur dan dasar berkenaan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa serta membudayakan integriti dalam amalan kerja harian

Misi

Membudayakan Integriti dalam Semua Aspek Perkhidmatan

Memastikan tiada salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dilakukan oleh warga JSM dengan mengambil tindakan tegas terhadap warga yang terlibat dalam aktiviti yang menjejaskan integriti dan kredibiliti JSM

Punca Rasuah dan Salah Laku di Jabatan Standard Malaysia

a) Laporan rasuah yang diterima oleh SPRM berkaitan Jabatan

JSM telah memperolehi data statistik berkenaan bilangan kes rasuah yang dilaporkan berkaitan dengan Jabatan dari Unit Statistik, Cawangan Pengisytiharan Harta & Statistik (CPHS), Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat, Ibu Pejabat SPRM pada 22 Disember 2021. Keseluruhan data tersebut diperolehi melalui sistem *Corruption Reporting Information System (CRIS)*. Data tersebut tidak mengambil kira tangkapan semula bagi maksud pertuduhan di mahkamah.

Jadual : Statistik JSM Bagi Tahun 2016 Hingga 2021

Statistik Jabatan Standard Malaysia (JSM) Bagi Tahun 2016 Hingga November 2021					
Tahun	Maklumat	Kertas Siasatan	Tangkapan	Tuduh	Sabitan
2016	0	0	0	0	0
2017	0	0	0	0	0
2018	3	0	0	0	0
2019	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0
2021 (Nov)	1	1	0	0	0
Jumlah	4	1	0	0	0

Merujuk kepada jadual di atas, sebanyak empat maklumat rasuah telah dilaporkan kepada SPRM berkaitan JSM seperti berikut:-

- (i) Tiga maklumat rasuah pada tahun 2018; dan
- (ii) Satu maklumat rasuah dan kertas siasatan rasuah telah dibuka oleh SPRM pada bulan November 2021.

Jadual : Maklumat Kesalahan JSM yang Dilaporkan Kepada SPRM

Statistik Maklumat Berkaitan Jabatan Standard Malaysia (JSM) Mengikut Pecahan Seksyen Kesalahan Bagi Tahun 2016 Hingga November 2021									
Tahun	ASPRM 2009/ APR 1997					AMLFPUAA 2001	Kanun Keseksaan	Lain-lain	Jumlah
	Terima Rasuah	Beri Rasuah	Tuntutan Palsu	Salahgunakuasa	Sistem dan Prosedur				
2016	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2017	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2018	2	0	0	0	0	0	0	1	3
2019	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0	0	0	0	0
2021 (Nov)	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Jumlah	2	0	0	1	0	0	0	1	4

Merujuk statistik maklumat berkaitan JSM mengikut pecahan seksyen kesalahan bagi tahun 2016 hingga November 2021, kesalahan yang dilaporkan kepada SPRM adalah seperti berikut:-

- (i) Dua kes penerimaan rasuah pada tahun 2018;
- (ii) Satu kes lain-lain pada tahun 2018; dan
- (iii) Satu kes salahgunakuasa pada bulan November 2021.

b) Kes Tatatertib di Jabatan Standard Malaysia

Tiada kes tatatertib yang dibentangkan dalam Lembaga Tatatertib Jabatan Standard Malaysia dari tahun 2017 sehingga 2021.

Status terkini kes salah laku pegawai adalah seperti berikut:-


Bil.	Kes Salah Laku	Status
1.	Tidak hadir bertugas tanpa sebab munasabah	Tindakan telah diambil
2.	Pengesahan bayaran yang tidak mengikut prosedur kewangan	Tindakan telah diambil
3.	Tuntutan palsu berkaitan perolehan Kerajaan	Sedang dalam proses tindakan

Berikut adalah huraian analisis data:-

Kategori Data	Huraian
Rasuah	<ul style="list-style-type: none">• Penilai ditawarkan rasuah sebagai balasan mempermudah proses penilaian• Mengemukakan tuntutan palsu perolehan perkhidmatan• Mengemukakan tuntutan perjalanan palsu
Tadbir Urus/ Integriti	<ul style="list-style-type: none">• Ketidakhadiran bertugas di pejabat• Tuntutan perjalanan ke luar negara yang tidak lengkap dan teratur

Pelan Tindakan Berdasarkan Kuadran

Analisis kuadran mengenalpasti 10 keutamaan (Kuadran A dan B) daripada 45 inisiatif yang akan dilaksanakan oleh JSM. Analisis ini adalah merujuk kepada risiko, punca rasuah dan kepincangan integriti berdasarkan situasi semasa.



KOMPLEKSITI

Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

IMPAK

Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

Keutamaan Strategi: Penekanan 10 Inisiatif Utama

JSM menerapkan elemen pendidikan, pemantauan, pencegahan dan tindakan bagi menangani risiko rasuah.

Jadual : Penekanan 10 Inisiatif Utama

Bil	Rujukan	Inisiatif	Kuadran	Strategi
1	1.1.1 (ii)	Menghebahkan maklumat berkaitan peraturan dan kelayakan pegawai bagi tuntutan.	A	STRATEGI 1
2	1.2.1	Menghebahkan maklumat berkaitan pencegahan rasuah atau kesedaran integriti.	A	STRATEGI 1
3	1.2.4	Mengambil tindakan tegas ke atas kakitangan yang terlibat dalam kegiatan rasuah.	A	STRATEGI 1
4	1.3.1	Menghebahkan dan menyebarluaskan program kesedaran pembudayaan antirasuah termasuk tanggungjawab melaporkan sekira wujudnya tawaran rasuah.	A	STRATEGI 1
5	1.7.1	Menambah baik prosedur dengan memastikan pengeluaran stok standard dan pengeluaran resit dibuat oleh individu yang berbeza.	A	STRATEGI 1
6	1.8.3	Menghebahkan / melaksanakan taklimat berkenaan tindakan tatatertib.	B	STRATEGI 1
7	1.9.1	Menambah baik prosedur tuntutan bagi perjalanan ke luar negara mengikut prosedur kewangan dari semasa ke semasa.	A	STRATEGI 1
8	1.10.3	Melaksanakan keperluan ISO 37001:2016: <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS).	B	STRATEGI 1
9	2.1.1 (i)	Menyediakan dan menyerahkan laporan siap perolehan perkhidmatan dengan menyertakan bukti kehadiran peserta program.	A	STRATEGI 2
10	2.3.4	Memastikan ahli Jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada individu yang berbeza bagi mencegah kepentingan peribadi yang melaksanakan proses perolehan mengikut garis panduan yang ditetapkan.	A	STRATEGI 2

Bidang Keutamaan OACP JSM 2022-2026

Pelan Tindakan Inisiatif

Jadual : Pelan Tindakan Inisiatif - Strategi 1

STRATEGI 1		MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGIK 1.1		MEREKAYASA PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH TADBIR URUS BAIK		
Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
1.1	<p>Pemalsuan dokumen tuntutan / permohonan dan kelewatan proses;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan perjalanan • Elaun lebih masa • Tuntutan honorarium • Pinjaman (Komputer, Kenderaan) • Elaun pakaian rasmi • Bayaran penilaian 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkenalkan proses semakan dokumen tuntutan yang lebih ketat dan teratur untuk memastikan pematuhan yang berkesan. <ol style="list-style-type: none"> i. Memantau proses pembayaran tuntutan secara berkala dan rawak. ii. Menghebahkan maklumat berkaitan peraturan dan kelayakan pegawai. 	<p>BPS, BA, BS, BKP</p> <p>BKP</p> <p>BKP</p>	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.2	Pegawai menerima/ meminta rasuah sebagai balasan untuk mempercepatkan proses akreditasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghebahkan maklumat berkaitan pencegahan rasuah atau kesedaran integriti. 2. Melaksanakan pusingan pegawai yang bertanggungjawab ke atas badan penilaian pematuhan yang berlainan setiap 5 tahun sekali. 3. Memantau sistem e-accreditation oleh penyelia dengan pemeriksaan log system secara berkala dan rawak. 4. Mengambil tindakan tegas ke atas kakitangan yang terlibat dalam kegiatan rasuah. 	BA UI	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)

Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
1.3	Penilai ditawarkan rasuah sebagai balasan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghebahkan dan menyebarkan program kesedaran pembudayaan antirasuah termasuklah bertanggungjawab melaporkan sekiranya wujudnya tawaran rasuah. 2. Melaksanakan penyertaan program taklimat berkenaan Seksyen 17A Akta SPRM dan Akta Pemberi Maklumat kepada semua penilai dan badan penilaian pematuhan. 3. Pemantauan silang di antara pengurus-pengurus skim secara berkala dan rawak. 4. Melaksanakan pusingan kerja penilai setiap 3 - 5 tahun. 5. Menambah bilangan penilai. 6. Melaksanakan pemeriksaan mengejut di premis badan penilaian pematuhan oleh pegawai/ penyelia. 7. Mengambil tindakan tegas dengan menamatkan perkhidmatan penilai yang terlibat dalam kegiatan rasuah. 8. Mengambil tindakan tegas dengan menamatkan status akreditasi badan penilaian pematuhan yang disabitkan bersalah dalam kegiatan rasuah dan dipaparkan dalam portal jabatan. 	BA	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)

Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
1.4	Pakatan tidak mengemukakan inbois penilaian/ pemalsuan maklumat inbois.	1. Pemantauan pengeluaran dan pembayaran inbois penilaian secara berkala dan rawak.	BA BKP	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.5	Kakitangan meminta/ menerima rasuah untuk mengeluarkan sijil akreditasi palsu/tidak sah.	1. Menambahbaik kawalan kepada akses sijil akreditasi. 2. Menambahbaik ciri-ciri keselamatan khusus pada material sijil akreditasi dari semasa ke semasa.	BA	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.6	Urusan penjualan dokumen standard yang tidak direkodkan.	1. Mengeluarkan resit jualan standard menggunakan sistem iGFMAS sepenuhnya. 2. Menggunakan Sistem Pengurusan Stor (SPS). 3. Menggunakan Kawalan Stok Jualan melalui MySQL.	BS	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.7	Pegawai tidak merekodkan atau mengeluarkan resit setelah penerimaan bayaran penjualan dokumen standard walaupun bayaran telah dihantar kepada Seksyen Kewangan dan Perolehan.	1. Menambahbaik prosedur dengan memastikan pengeluaran stok standard dan pengeluaran resit dibuat oleh individu yang berbeza.	BS	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)

Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
1.8	Ketidakhadiran bertugas di pejabat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memantau kehadiran dan menyemak rekod kehadiran kakitangan pejabat. 2. Mengenalpasti status sebenar keberadaan kakitangan. 3. Menghebahkan dan melaksanakan taklimat berkenaan tindakan tatatertib. 4. Melaksanakan aktiviti sosial di luar pejabat bagi meningkatkan motivasi bekerja. 5. Mengambil tindakan dengan segera sebaik sahaja laporan diterima. 	<p>BKP PPP</p> <p>Pengarah Bahagian</p> <p>BKP</p> <p>Kelab/ Pusanita/ Akrab/ MBJ/ Audit Nilai</p> <p>BKP</p>	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.9	Tuntutan perjalanan ke luar negara yang tidak lengkap dan teratur	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menambahbaik prosedur tuntutan bagi perjalanan ke luar negara mengikut prosedur kewangan dari semasa ke semasa. 	BKP	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
1.10	Pencegahan rasuah dan salahguna kuasa di Jabatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan sistem pusingan kerja bagi jawatan yang berisiko tinggi. 2. Melaksanakan program kesedaran integriti. 3. Melaksanakan keperluan ISO 37001:2016: <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS). 	<p>BS</p> <p>BKP, UI BA, BKP, BS, BPS,</p> <p>UI</p>	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)

Jadual : Pelan Tindakan Inisiatif - Strategi 2

STRATEGI 2		MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM		
OBJEKTIF STRATEGIK 2.1:		MEMPERKUKUKKAN KERANGKA PEROLEHAN AWAM		
Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
2.1	Pemalsuan tuntutan perolehan perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengemaskini dan menambah baik prosedur standard (SOP) pelaksanaan program. <ol style="list-style-type: none"> i. Menyediakan dan menyerahkan laporan siap perolehan perkhidmatan dengan menyertakan bukti kehadiran peserta program; ii. Melaksanakan lawatan/ Virtual Call secara mengejut oleh penyelia atau UI terhadap program yang dijalankan; dan iii. Hebahan maklumat berkaitan pencegahan rasuah; meningkatkan kesedaran integriti di kalangan semua pegawai. 	<p>Urus setia Program, BKP</p> <p>Penyelia, UI</p> <p>UI, BKP</p>	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
2.2	<p>Pakatan antara pegawai dengan pembekal perkhidmatan/ kerja/ bekalan bagi mendapatkan sesuatu untuk kepentingan peribadi</p> <ul style="list-style-type: none"> • penginapan di hotel • perkhidmatan pengumpulan data • meminta imbuhan dari agensi pelancongan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menambahbaik garis panduan untuk: <ol style="list-style-type: none"> i. memasukkan proses verifikasi sekiranya perlu; ii. pusingan pemilihan pembekal bagi pembelian terus; iii. menilai keupayaan pembekal perkhidmatan (jenis/ lokasi/ persekitaran); iv. mengenalpasti peranan dan kesesuaian sekretariat; v. pemantauan silang secara rawak oleh Ketua Seksyen dan dilaporkan kepada Pengarah Bahagian; dan vi. laporan bergambar setiap aktiviti sebagai rekod. 	BKP	Tempoh 1 tahun (Jun 2022 – Apr 2023)

Bil	Risiko Kelemahan Dan Ketirisan: Tadbir Urus, Integriti & Rasuah	Inisiatif	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa
2.3	<p>Pakatan antara pegawai dengan pembekal perkhidmatan/ kerja/ bekalan bagi mendapatkan sesuatu untuk kepentingan peribadi</p> <ul style="list-style-type: none"> • penginapan di hotel • perkhidmatan pengumpulan data • meminta imbuhan dari agensi pelancongan <p>Pakatan rasuah dalam pelantikan syarikat pembekal yang sama atau tidak kompeten. kebocoran maklumat harga siling projek</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengedarkan maklumat berkenaan Dasar Antirasuah JSM sebelum sesi taklimat sebut harga dan tender. 2. Melaksanakan pusingan kerja kakitangan di Seksyen Kewangan dan Perolehan. 3. Melaporkan kes salah laku/ pelanggaran tatakelakuan. Keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan/bekalan yang melaksanakan polisi pencegahan rasuah di syarikat masing-masing. 4. Memastikan ahli Jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada individu yang berbeza bagi mencegah kepentingan peribadi yang melaksanakan proses perolehan mengikut garis panduan yang ditetapkan. 5. Hadir bersama sebagai pemerhati dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Perolehan. 6. Melaksanakan semula proses sebut harga sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam proses perolehan. 7. Mengeluarkan memo amaran kepada pegawai dan arahan penempatan semula pegawai. 8. Melaksanakan taklimat atau latihan kepada pegawai yang dilantik. 	UI, BKP, BPS, BS, BA	Tempoh 5 tahun (Jun 2022 – Dis 2026)
2.4	Penipuan dalam melaksanakan Kajian Harga Pasaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hebahan kriteria permohonan penganjuran program kepada pegawai secara berkala. 	BKP, SKP	Tempoh 1 tahun (Jun 2022 – Apr 2023)
2.5	Kegagalan pematuhan prosedur bayaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memastikan Garis Panduan penerimaan perkhidmatan dan bekalan dikuatkuasakan. 	BKP, SKP	Tempoh 1 tahun (Jun 2022 – Apr 2023)

BAB 4

TADBIR URUS OACP JSM 2022 - 2026

- Mekanisme Pelaksanaan
- Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan
- Pembentangan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026
- Kerangka Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026
- Struktur Tadbir Urus Jabatan Standard Malaysia
- Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian
- Mekanisme Penilaian

Laws

Practices

Audit

BAB 4

TADBIR URUS OACP JSM 2022 - 2026

Mekanisme Pelaksanaan

Suatu Jawatankuasa Pembangunan dan Pemantauan OACP telah ditubuhkan bagi memastikan semua inisiatif dilaksanakan secara cekap, sistematik, integriti dan menyeluruh.


Jawatankuasa tersebut akan melaksanakan tindakan berikut:-

- (i) Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP;
- (ii) Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan; dan
- (iii) Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) peringkat Jabatan.




Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan

Jawatankuasa Pembangunan dan Pemantauan OACP menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026 dan membentangkan laporan tersebut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JSM. Tindakan yang dilaksanakan seperti berikut:-:



Pembentangan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026




Kerangka Pelaksanaan OACP JSM 2022 - 2026




Struktur Tadbir Urus Jabatan Standard Malaysia

A) Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JSM

Rajah : Carta Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JSM



Rajah : Peranan & Tanggungjawab Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JSM



B) Unit Integriti JSM


Rajah : Carta Unit Integriti JSM



Rajah : Peranan & Tanggungjawab Unit Integriti JSM



Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian



Mekanisme Penilaian

MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN PEMANTAUAN OACP JSM 2022 - 2026

- Mesyuarat dwi tahunan
- Penilaian kuantitatif dan kualitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat OACP JSM 2022 - 2026 dengan menilai strategi & inisiatif
- Mengemukakan laporan setiap tahun kepada Pengurusan Tertinggi JSM
- Unit Integriti sebagai Urus Setia

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) JSM

- Menasihati dan memberi arahan untuk memastikan keberkesanan dan prestasi pelan tindakan OACP JSM 2022 - 2026

KESIMPULAN

- Penghargaan
- Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia



KESIMPULAN

JSM telah memperlihatkan komitmen dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan dengan membangunkan satu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JSM 2022 – 2026. Matlamat utama pelan ini adalah untuk menjadikan JSM sebagai agensi Kerajaan yang bebas rasuah menerusi perkhidmatan yang cekap dan berintegriti dengan memastikan tadbir urus yang baik serta perolehan yang telus. Pelaksanaan pelan tindakan yang telah menggariskan inisiatif-inisiatif yang perlu diambil untuk menyahut dasar Kerajaan. Ini secara langsung akan menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah.

Pelan ini telah mengambilkira pandangan warga Jabatan daripada pihak Pengurusan Tertinggi sehingga kumpulan pelaksana secara holistik. Pelan ini telah mengenal pasti dua strategi yang merangkumi 45 inisiatif di mana 10 daripadanya diberikan keutamaan.

Hala tuju Jabatan dalam aspek penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta kelangsungan pelan ini adalah selari dengan perkembangan arus perdana. Kejayaannya bakal ditentukan oleh perlaksanaan 45 inisiatif yang telah dirancang.

Kelangsungan pelan ini serta kejayaan pelaksanaan semua inisiatif adalah selaras dengan misi dan matlamat Jabatan dalam aspek penambahbaikan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah digubal ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk kelestarian keberkesanannya. JSM akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari semasa ke semasa bagi memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah.

Penghargaan

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali

Ketua Setiausaha MITI

En. Shahrul Sadri Alwi

Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia

En. Hussalmizzar Hussain

Pengarah Kanan, Standardisasi

En. Wan Rukiman Wan Mamat

Pengarah Akreditasi

Pn. Nor Latifah Hussin

Pengarah Perancangan Strategik

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia**

Bahagian-bahagian yang telah memberikan input bagi
membangunkan dokumen OACP JSM 2022 - 2026:

**Pejabat Ketua Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Standardisasi
Bahagian Akreditasi
Bahagian Perancangan Strategik**

Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Standard Malaysia

PENGERUSI

En. Roslee Saad

Ketua Penolong Pengarah Kanan

URUS SETIA

Pn. Siti Raikhan Aina Bogal

Penolong Pengarah Kanan

En. Mohamad Hafanizam Hassan

Penolong Pengarah Kanan

AHLI

Pn. Rosnieh Eggat

Ketua Penolong Pengarah

En. Ahmad Razif Abd. Rahim

Ketua Penolong Pengarah

Cik Siti Norehan Ishak

Ketua Penolong Pengarah

En. Mohammad Yusof Ismail

Penolong Pengarah Kanan

En. Mohd Shafiq Mohd Zakaria

Penolong Pengarah Kanan

AHLI

En. Ahmad Haziq Mat Jusoh

Penolong Pengarah Kanan

Cik Jessica Sawai Jues

Penolong Pengarah Kanan

Pn. Cheow Sze Ling

Pegawai Tadbir dan Diplomatik

En. Mohd Izzuwan Zainol

Akauntan

Pn. Nurul Farahiyah Mohd Ali

Pegawai Teknologi Maklumat

Pn. Norliyana Haslin Alias

Penolong Pengarah

Pn. Nur Afifah Ijap

Penolong Pengarah

Cik Aqilah Abu Hassan

Personel MySTEP

JABATAN STANDARD MALAYSIA

Aras 4-7, Menara 2,
Menara Cyber Axis, Jalan Impact,
Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia

Tel : 603 8008 2900

Faks : 603 8008 2901

Emel : central@jsm.gov.my